

23 Oktober 2018 (Selasa)



MOHAMED Azahari (dua dari kanan) bertukar MoA dengan Ho (dua dari kiri) pada majlis pecah tanah restoran pandu lalu KFC di Bandar Seri Impian, Kluang.

## 24 cawangan baru

■ QSR Brands tingkat kerjasama dengan pemaju rumah buka restoran baru termasuk pandu masuk tahun depan

Adnan Ibrahim  
cnews@NSTP.com.my

### Kluang

**Q**SR Brands (M) Holdings Bhd (QSR Brands) merancang membina lebih banyak restoran pandu lalu kerana ia menjadi pilihan pelanggan ketika ini.

Pengaruh Urusannya Datuk Seri Mohamed Azahari Mohamed Kamil berkata, pada masa sama QSR Brands merancang membuka 24 cawangan restoran baru KFC pada 2019 selepas membuka 23 cawangan sepanjang tahun ini.

Katanya, untuk tujuan itu, piakhnya menjalin kerjasama dengan pemaju perumahan seperti Matrix Concepts Holdings Berhad (Matrix Concepts) untuk membina

restoran pandu lalu.

"Hasil kerjasama dengan Matrix Concepts, kami membuka restoran KFC yang ke-700 di Seremban dan bersetuju meneruskan kerjasama dengan membina sebuah lagi di Impiana Square, Bandar Seri Impian, Kluang. Ia dijangka siap sepenuhnya September tahun hadapan," katanya pada majlis pecah tanah restoran pandu lalu KFC di Bandar Seri Impian, Kluang, semalam.

Selain pecah tanah, memorandum perjanjian (MoA) di antara QSR Brands dan Matrix Concepts bagi pembinaan restoran pandu lalu KFC dimeterai.

Turut hadir, Ketua Pegawai Operasi KFC Malaysia Ling

Mee Jiani dan Ketua Pegawai Eksekutif Pembangunan Hartanah Matrix Concepts, Ho Kong Soon.

Mohamed Azahari berkata, kerjasama strategik bersama pemaju terkemuka adalah langkah penting dalam strategi perkembangan restoran QSR Brands kerana ia adalah komponen pertumbuhan utama yang memberi manfaat jangka panjang kepada syarikat.

"QSR Brands dan Matrix Concepts berjaya mengecapi kejayaan bersama daripada perkongsian kapakaran dan sumber masing-masing merentasi kerjasama terakhir kami pada 2017.

"Kerjasama strategik ini

membuktikan aspirasi kami untuk memperluaskan jaringan restoran dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat Malaysia melalui sajian hidangan terkenal dan berinovasi, disokong kualiti perkhidmatan cemerlang dan pengalaman memuaskan," katanya.

Sementara itu, Ho berkata, pembinaan restoran ini mencatatkan pencapaian penting kepada pembangunan Bandar Seri Impian sejak ia dibuka beberapa tahun lalu.

Katanya, restoran KFC yang bakal dibina adalah satu daripada 182 unit komersial selain 4,800 rumah di kawasan perumahan seluas 0.35 hektar.

"Impiana Square memperkenalkan potensi menjadi hab komersial terbaru di Kluang kerana bersebelahan Kluang Southgate," katanya.

**FAKTA**  
QSR Brands meterai MoA dengan Matrix Concepts buka cawangan ke 700 di Seremban